

## **Perbahasan Parlimen Malaysia Kali Ke-15 Berdasarkan Perspektif Lakuan Pertuturan**

### ***The 15<sup>th</sup> Malaysian Parliament Debate From The Perspective Of Speech Act***

**Nurlina binti Atan & Rozita binti Che Rodi\***

*Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,  
43400, Serdang, Malaysia*

\*Corresponding author: [gs64987@student.upm.edu.my](mailto:gs64987@student.upm.edu.my)

**Received:** 03 September 2024; **Revised:** 18 April 2025; **Accepted:** 01 August 2025; **Published:** 13 November 2025

**How to cite this article:** Atan, N., & Che Rodi, R. (2025). Perbahasan Parlimen Malaysia Kali Ke-15 dari Perspektif Lakuan Pertuturan. *PENDETA*, 16(2), 13-25. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.2.2.2025>

#### **Abstrak**

Perbahasan parlimen merupakan salah satu kegiatan berbahasa yang menonjolkan interaksi dua hala yang dimainkan peranannya oleh pemeran utama, sekali gus memperlihatkan adanya unsur saling memahami dalam ujaran yang dihasilkan. Dalam konteks ini, bahasa berfungsi sebagai penggerak kepada kegiatan berkomunikasi dengan mengambil kira aspek penting dalam berbahasa bagi menghasilkan ujaran yang berkesan. Penelitian yang dilihat dalam perbahasan parlimen yang diwakili oleh pihak kerajaan dan pihak pembangkang menemukan bahawa terdapat segelintir daripada ahli parlimen yang menyampaikan perbahasan hanya sekadar hujah kosong yang lebih terarah kepada politik, iaitu tanpa sebarang isi yang konkrit sebagai bahan yang dibahaskan. Perbahasan turut disaksikan lebih kepada hal remeh dan memperlihatkan sikap tidak profesionalisme ahli parlimen yang seterusnya membawa kepada ujaran yang lemah dan jauh daripada matlamat mematuhi konsep lakuan pertuturan yang sewajarnya dalam kalangan pemimpin rakyat. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ini terarah kepada mengenal pasti dan menjelaskan lakuan pertuturan yang terhasil melalui perbahasan parlimen dalam usaha untuk menghasilkan ujaran yang berkesan di kalangan pemeran utama perbahasan. Kaedah kualitatif digunakan dengan pengumpulan data melalui kaedah transkripsi dokumen bersandarkan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969). Hasil penelitian mendapati bahawa ahli parlimen memanfaatkan lakuan pertuturan asertif, direktif, komisif dan ekspresif, manakala didapati bahawa tiada penggunaan lakuan pertuturan deklaratif. Lakuan pertuturan ekspresif mencatatkan penggunaan yang paling dominan sebanyak 132 ujaran, diikuti oleh lakuan pertuturan asertif (116), direktif (105) dan komisif (24). Pengaplikasian lakuan pertuturan dalam perbahasan memperlihatkan bahawa penutur berupaya menghasilkan ujaran yang berkesan sebagai kaedah untuk mencapai matlamat dan objektif perbahasan masing-masing.

**Kata kunci:** perbahasan; ujaran; lakuan pertuturan; parlimen

#### **Abstract**

*Parliamentary debates are a linguistic activity that highlights two-way interactions carried out by the main participants, simultaneously showcasing elements of mutual understanding in the utterances produced. In this context, language functions as a driver for communication activities, taking into important aspects of language to produce effective speech. The observations in parliamentary debates represented by the government and opposition parties reveal that some parliamentarians deliver debates that are merely empty rhetoric, focused more on politics without any concrete substance to be debated. The debates often delve into trivial matters and display unprofessional behaviour from the parliamentarians, resulting in weak speech that deviates from the goal of adhering to the proper concept*

*of speech acts among the people's leaders. Therefore, the objective of this study is directed towards identifying and explaining the speech acts generated through parliamentary debates to produce effective speech among the main participants of the debate. A qualitative method is employed, with data collection through document transcription based on Searle's Speech Act Theory (1969). The research findings indicate that parliamentarians utilize assertive, directive, commissive, and expressive speech acts, while it is noted that there is no use of declarative speech acts. Expressive speech acts recorded the highest usage with 132 utterances, followed by assertive speech acts (116), directive speech acts (105), and commissive speech acts (24). The application of speech acts in the debates shows that the speakers can produce effective utterances as a method to achieve their respective debate goals and objectives.*

**Keywords:** *debate, speech, speech act, parliament*

## **PENGENALAN**

Bahasa ialah alat komunikasi yang terorganisasi dalam bentuk satuan-satuan seperti kata, kelompok kata, klausa dan kalimat yang diungkapkan baik secara lisan mahupun tulisan (Tri Wiratno & Riyadi Santosa, 2014). Sejak berabad tahun yang lalu, tamadun manusia berkembang didasari oleh entiti yang disebut sebagai bahasa yang menjadi identiti masyarakat. Setiap kelompok masyarakat akan bertutur menggunakan bahasa masing-masing, iaitu yang dicipta dan dihasilkan oleh nenek moyang mereka dan ia terus dituturkan sehingga ke hari ini. Hal yang menjadi penanda ukur kepada perkembangan bahasa tersebut ialah kelompok masyarakat yang menuturkannya.

Pengolahan ujaran yang pelbagai juga memunculkan kesan ujaran yang pelbagai, sesuai dengan isi yang terkandung menerusinya dalam proses memunculkan elemen saling memahami antara penutur dan pendengar. Sebuah ujaran dianggap berkesan apabila ia hadir dengan elemen serta komponen yang mengandungi prinsip lakuan pertuturan yang sewajarnya. Lakuan merupakan situasi berbahasa yang mempunyai ujaran tertentu dalam konteks penyampaian maklumat. Salah satu aktiviti berbahasa yang mengandungi ujaran yang memanfaatkan lakuan pertuturan ialah melalui perbahasan. Perbahasan menghadirkan penutur dan pendengar sebagai individu yang menyampaikan maklumat dan individu yang memproses maklumat tersebut untuk difahami.

Perbahasan dalam konteks kajian ini merujuk kepada perbahasan Parlimen Malaysia yang melibatkan ahli parlimen daripada wakil rakyat di setiap negeri. Menerusi perbahasan ini, penggunaan kepada bentuk kosa kata yang bersifat pelbagai dapat dilihat dengan jelas. Ada ketikanya mereka berbahas secara telus dan fokus, dan ada juga secara santai. Pemfokusan kepada perkara yang mustahak seringkali membawa kepada ungkapan yang tidak sewajarnya diucapkan, iaitu yang terkeluar daripada prinsip perbahasan yang sepatutnya. Hal ini dikatakan demikian kerana wujudnya salah faham dan ketidakjelasan tujuan ucapan dalam kalangan ahli parlimen. Pada akhirnya, ia membawa kepada pertelagahan kecil sesama mereka di meja parlimen.

Kajian ini membataskan penelitian hanya kepada perbahasan parlimen dewan rakyat bagi mesyuarat ketiga, penggal kedua Parlimen Malaysia kali ke-15. Mesyuarat ketiga diadakan bagi ahli parlimen membahaskan rang undang-undang yang telah diusulkan semasa mesyuarat kedua. Dalam perbahasan ini, adanya komponen seperti pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan, perbahasan bagi rang undang-undang, usul-usul yang dibawa oleh ahli parlimen dan menteri- menteri. Oleh hal yang demikian, pengkaji mendapati bahawa ia merupakan tempoh masa yang sesuai untuk meneliti penggunaan lakuan dalam kalangan ahli parlimen. Selain itu, kewajaran untuk memilih persidangan bagi kali ke-15 ini ialah kerana berlakunya peralihan tampuk kepimpinan negara, iaitu parti pembangkang sudah beralih kedudukan menjadi parti kerajaan. Mesyuarat sidang dewan rakyat melakar sejarah tersendiri apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi satu- satunya ahli parlimen yang kedudukannya beralih secara langsung daripada kerusi ketua pembangkang kepada perdana menteri (Mohd Iskandar Ibrahim et al., 2022).

## **Pernyataan Masalah**

Perbahasan parlimen memberikan gambaran jelas tentang bagaimana setiap wakil rakyat memainkan peranan dalam membahaskan isu negara dan rakyat melalui saluran yang tepat. Dalam konteks perbahasan ini, ia terdiri daripada kelompok yang mewakili pihak kerajaan dan pihak pembangkang. Kepelbagaian ujaran yang dihasilkan dalam perbahasan ini merupakan bentuk komunikasi yang melibatkan antara ahli parlimen. Menurut Dayang Sariah Abang Suhai et al. (2020), bahasa perdebatan atau penghujahan oleh pewacana kerajaan dengan pewacana pembangkang bukan sahaja menyampaikan kandungan hujah masing-masing, tetapi dalam masa yang sama turut berupaya merepresentasikan bentuk hubungan sosial yang tegas, formal, rapat atau sebagainya sesama mereka dan juga dengan khalayak wacana.

Dalam konteks penyampaian maklumat, ujaran yang berkesan ialah ujaran yang dapat menyampaikan maklumat dengan jelas dan mudah difahami khalayak. Namun begitu, terdapat segelintir ahli parlimen yang menyampaikan perbahasan hanya sekadar hujah yang lebih terarah kepada politik sahaja tanpa sebarang isi yang konkrit sebagai bahan yang dibahaskan (Azrul Hadi, 2022). Inti pati perbahasan itu seharusnya mengandungi maklumat yang berinformatif bagi pihak kerajaan dan juga pembangkang. Menurut Iqbal Yasir (2023), perbahasan perlu berfokus kepada isu yang hendak dibahaskan serta tidak meleret-leret kepada isu yang tidak berkaitan dan akhirnya menghabiskan masa perbahasan dengan melayan isu-isu remeh yang dibangkitkan serta kata-kata sindiran yang dilontarkan.

Dalam pada itu, terdapat juga segelintir ahli parlimen yang tidak menerapkan etika sebagai wakil rakyat serta ahli perbahasan. Misalnya, segelintir ahli parlimen mempamerkan gelagat kurang sopan dan mengamalkan budaya tidak matang ketika perbahasan di dewan rakyat (Nor Asyikin Hayiri, 2023). Tambahan pula, sikap segelintir ahli parlimen juga masih ditakuk lama, iaitu bertikam lidah semasa perbahasan, mengeluarkan kata-kata kesat dan rasis (Salawati Mat Basir, 2020). Keadaan ini tidak boleh dianggap sambil lewa kerana ahli parlimen berperanan sebagai barisan pemimpin yang seharusnya lebih berwibawa semasa perbahasan dan berhujah dalam mana-mana persidangan. Pada akhirnya, prinsip dan etika perbahasan yang seharusnya menginspirasi, saling memahami dan berdialog secara rasional kini menjadi mimpi yang jauh daripada kenyataan (Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, 2023). Perbahasan yang diharapkan dapat mematuhi etika perbahasan yang baik dan menerapkan konsep lakuan pertuturan yang cemerlang tidak mampu digapai.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk melihat ujaran yang dihasilkan oleh ahli parlimen dalam perbahasan Parlimen Malaysia. Penggunaan lakuan pertuturan yang pelbagai merupakan salah satu bentuk strategi komunikasi yang dilakukan oleh penutur dalam menyampaikan ujaran yang mempunyai elemen saling memahami. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan khusus untuk mengenal pasti lakuan pertuturan yang terdapat dalam perbahasan Parlimen Malaysia kali ke-15. Lakuan pertuturan yang dikenal pasti akan dianalisis menggunakan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969).

## **Kajian Literatur**

Kajian literatur dalam penulisan ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu kajian tentang lakuan pertuturan dan kajian tentang perbahasan. Penumpuan dalam bahagian ini dilihat melalui beberapa aspek, antaranya melalui fokus kajian, data kajian, metodologi kajian, analisis dapatan kajian dan hasil kajian secara ringkas.

## **Kajian tentang Lakuan Pertuturan**

Kajian mengenai lakuan pertuturan telah banyak dilakukan oleh para pengkaji tempatan dan luar negara. Siti Nur Adibah Sabarudin dan Aminnudin Saimon (2021) bertujuan meneliti lakuan pertuturan dalam

video infografik COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), menggunakan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969). Penggunaan video infografik sebagai saluran penyampaian maklumat dilihat efektif kerana sifatnya yang lebih fleksibel dan dekat dengan pendengar. Hasil kajian ini menemukan kelima-lima jenis lakuan pertuturan, dengan lakuan direktif sebagai yang paling dominan. Lakuan direktif menjadi lakuan yang paling dominan digunakan kerana matlamat video infografik tersebut yang sememangnya bertujuan menyampaikan maklumat berdasarkan arahan daripada perdana menteri dan KKM.

Seterusnya, Aminnudin Saimon (2021) dalam kajiannya bertajuk “Lakuan Pertuturan dalam Filem Nordin Ahmad” bertujuan meneliti filem Melayu lama. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis lakuan pertuturan menggunakan Teori Lakuan Bahasa Searle (1969). Data diperoleh daripada empat buah filem Melayu klasik, iaitu filem Semerah Padi (1956), filem Hang Jebat (1961), filem Seri Mersing (1961) dan filem Lancang Kuning (1962). Hasil kajian ini mendapati bahawa sebanyak 1391 lakuan bahasa yang terdapat dalam ujaran yang digunakan pada keempat-empat buah filem yang dipilih. Hasil kajian juga mendapati bahawa lakuan pertuturan asertif dan direktif memainkan peranan penting dalam menyampaikan tujuan dan matlamat komunikasi. Filem Melayu lama yang dikaji ini mencerminkan budaya Melayu yang dapat dilihat dari aspek lakuan bahasanya, cara masyarakat Melayu bertindak balas terhadap sesuatu lakuan dan tindak laku mereka terhadap peristiwa berbahasa.

Kajian lain oleh Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019) pula bertujuan meneliti lakuan pertuturan dalam konteks ceramah agama. Kajian ini membawa sudut pandang yang lebih luas dalam konteks keagamaan. Kajian ini menjelaskan bahawa lakuan bahasa digunakan untuk menyampaikan pengetahuan agama, nilai dan mesej yang berupa pengajaran kepada khalayak. Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif dan kuantitatif. Sampel kajian ini adalah ceramah agama yang disampaikan oleh Ustazah Siti Nor Bahiyah Mahmood dan Ustaz Azhar Idrus dan mengaplikasikan teori Lakuan Bahasa oleh Searle (1969) bagi mengkategorikan jenis lakuan bahasa. Searle (1969) telah mencadangkan bahawa lakuan bahasa mengandungi lima klasifikasi umum iaitu asertif, ekspresif, direktif, komisif dan deklaratif. Dapatan kajian ini adalah empat jenis lakuan bahasa digunakan oleh penceramah iaitu lakuan bahasa asertif, direktif, ekspresif dan komisif. Lakuan bahasa yang paling kerap digunakan oleh penceramah ialah lakuan bahasa asertif iaitu sebanyak 69.6 peratus. Seterusnya lakuan bahasa direktif sebanyak 23.87 peratus, diikuti oleh lakuan bahasa ekspresif 5.59 peratus dan lakuan bahasa komisif sebanyak 0.86 peratus. Selain itu, kajian ini juga menjelaskan bahawa lakuan bahasa asertif berfungsi untuk menyatakan, mengandaikan, menyampaikan maklumat, menunjukkan dan menyebut sesuatu maklumat. Manakala lakuan bahasa direktif pula digunakan untuk tujuan nasihat dan ucap selamat, pengajuan soalan dan perintah. Selanjutnya lakuan bahasa ekspresif berfungsi untuk mengekspresikan perasaan penghargaan, maaf, gembira dan sedih. Akhir sekali, lakuan bahasa komisif berfungsi untuk menyatakan janji. Secara keseluruhan kajian ini merakamkan bahawa lakuan bahasa adalah sebahagian daripada laras ceramah agama bagi keberkesanan dalam penyampaian ceramah.

Selanjutnya, Siti Aisyah Yap (2015) menerangkan bahawa pemilihan leksikal yang tepat harus diaplikasikan dalam membicarakan isu agama bagi memastikan mesej yang disampaikan berkesan kepada khalayak. Ianya merupakan penyampaian secara halus dan rangsangan psikologi kepada manusia untuk berfikir berdasarkan motif, tarikan, emosi, peneguhan, status dan pembinaan sosial. Dalam pembahasan ini, peranan lakuan pertuturan dalam ceramah agama ditunjukkan melalui penggunaan potongan ayat al-Quran dan hadith. Tujuan kajian ini berkaitan dengan elemen dakwah yang terdapat di dalam siri animasi *Ummi: Ceritalah pada Kami* (seterusnya UCPK) dari sudut sumber rujukan, isi kandungan, pendekatan dan gaya persembahan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa siri UCPK ini menepati elemen dakwah Islamiyyah yang mengajak para penonton untuk memahami ajaran Islam dengan mudah sambil berhibur di samping turut mempunyai rangsangan psikologi yang positif.

Kajian oleh Ardianto dan Hadirman (2018) pula bertujuan meneliti lakuan pertuturan dalam konteks budaya masyarakat Muna melalui lakuan yang diterapkan dalam ritual keagamaan masyarakat tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data dikumpulkan daripada persekitaran semula jadi, iaitu wacana pertuturan Katoba. Data terdiri daripada dua jenis, iaitu data pertuturan dan data catatan lapangan. Data dianalisis menggunakan model interaktif yang merangkumi empat peringkat; iaitu (1) pengumpulan

data, (2) penurunan data, (3) paparan data, dan (4) kesimpulan serta pengesahan. Hasil kajian menunjukkan bahawa (1) bentuk lakuan pertuturan direktif merangkumi bentuk deklaratif dan imperatif, (2) fungsi lakuan pertuturan direktif merangkumi fungsi mengajar, menerangkan, mencadangkan, dan mengharap dan (3) strategi lakuan pertuturan direktif melibatkan strategi langsung dan tidak langsung. Hasil kajian ini mendapati bahawa lakuan direktif digunakan sebagai kaedah untuk merangsang tindak balas kanak-kanak dalam ritual Katoba. Penggunaan arahan dan nasihat dalam lakuan pertuturan bertujuan untuk mengarahkan dan menggalakkan kanak-kanak mengamalkan nasihat yang diberikan semasa ritual. Modus operandi lakuan direktif ini turut dikaitkan dengan ucapan yang mengarahkan dan menggalakkan kanak-kanak untuk mengingati dan melaksanakan nasihat yang diberikan.

Selanjutnya, kajian oleh Abudalslam Alfgehe dan Behbood Mohammadzadeh (2021) melihat lakuan pertuturan dalam pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua menerusi penerapan aspek pragmatik dalam penghasilan jenis lakuan pertuturan. Bagi menilai kecekapan sosiopragmatik dan pragmlinguistik para pelajar, dua instrumen digunakan, iaitu soal selidik dalam bentuk Ujian Pelengkap Wacana (*Discourse Completion Test - DCT*) dan skala penilaian. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat persamaan dalam penggunaan lakuan pertuturan antara pelajar lelaki dan perempuan, dengan pelajar perempuan lebih mendominasi. Dalam konteks kajian ini, pemahaman kepada asas pragmatik sebagai salah satu keperluan berbahasa akan mengelakkan penutur daripada melakukan kesalahan berbahasa yang akan membawa kepada kekaburan makna dalam sesuatu ujaran.

Muhammad Zuhair Zainal et al. (2024) dalam satu kajian bertajuk “Penerapan Teras Hati Budi Melayu dalam Pengajaran Bahasa Melayu melalui Lakuan Pertuturan Guru” bertujuan menjelaskan bentuk lakuan pertuturan guru dalam usaha menerapkan Teras Hati Budi Melayu (THBM) dalam pengajaran bahasa; khususnya THBM dalam kelompok nilai. Kajian fenomenologi hermeneutik ini menggunakan pendekatan pragmatik berdasarkan Lakuan Pertuturan Searle (1969). Data kajian ialah sepuluh ujaran terpilih yang diambil daripada transkripsi rakaman video pengajaran Bahasa Melayu milik Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa penerapan THBM dalam PdP Bahasa Melayu boleh berlaku melalui lakuan pertuturan guru.

Seterusnya, kajian oleh Aminnudin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2019) bertujuan menganalisis penggunaan bahasa kiasan dalam plot konflik menggunakan pendekatan pragmatik. Data diperoleh menerusi filem Melayu yang dilakonkan oleh Nordin Ahmad, iaitu *Lanchang Kuning*, *Semerah Padi*, *Hang Jebat* dan *Seri Mersing*. Hasil kajian ini mendapati bahawa bahasa kiasan banyak diungkapkan dalam plot konflik bagi menyatakan kekecewaan, perkelahian dan ketidakpuasan hati. Kajian ini juga membuktikan bahawa pengungkapan bahasa kiasan dapat difahami oleh komunikator berdasarkan pendekatan teori pragmatik. Kesimpulannya, penelitian terhadap bahasa dalam filem telah dapat menyerlahkan keperibadian, akal budi positif atau negatif dan kreativiti masyarakat Melayu dalam menyampaikan sesuatu perkara dalam suasana konflik.

## **Kajian tentang Perbahasan**

Kajian perbahasan oleh Nurul Afifah Mohd Salleh dan Maslida Yusof (2020) bertujuan mengkaji praandaian dalam ucapan perbahasan parlimen mahasiswa sebagai strategi komunikasi. Menggunakan pendekatan Yule (1996), pengkaji menemui empat jenis praandaian; iaitu eksistensial, faktif, struktural dan kaunterfaktual, sementara dua jenis yang tidak ditemukan ialah non-faktif dan leksikal. Kajian ini menegaskan kepentingan memahami strategi praandaian dalam memudahkan kefahaman maklumat kepada pembaca atau pendengar. Peristiwa perbahasan parlimen mahasiswa ini dilihat sebagai salah satu strategi berbahasa bagi membolehkan individu bertukar pendapat dalam kalangan ahli perbahasan yang lain.

Norsimah Mat Awal et al. (2021) pula memanfaatkan wacana yang terhasil dalam perbahasan Parlimen Malaysia untuk menganalisis representasi ‘halal’ dan ‘haram’ yang digunakan dan dibahaskan oleh ahli parlimen. Kajian ini telah menggunakan kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif untuk menganalisis trend penggunaan kedua-dua leksikal ‘halal’ dan ‘haram’. Data dari *Malaysian Hansard Corpus* (MHC) menunjukkan leksikal ‘haram’ lebih menonjol dengan variasi konteks penggunaannya

berbanding 'halal'. Kajian ini menggambarkan kepelbagaian makna dan trend penggunaan kedua-dua leksikal dalam konteks sosial dan budaya masyarakat Islam di Malaysia.

Kajian oleh Dayang Sariah Abang Suhai et al. (2020) menggunakan analisis wacana kritis Fairclough untuk mengkaji modaliti dalam perbahasan parlimen. Aspek makna modaliti yang dikaji melibatkan kedua-dua pewacana kerajaan dan pembangkang. Pemerihalan aspek wacana memberikan gambaran kepada penerapan bentuk dan gaya bahasa yang dihasilkan oleh ahli parlimen. Hasil kajian mendapati bahawa modaliti informatif lebih dominan digunakan berbanding modaliti perintah, dengan pembangkang lebih banyak menggunakan modaliti informatif. Manakala, Khairul Izzat Amiruddin dan Hasmidar Hassan (2019) pula meneliti kesantunan dan ketaksantunan bahasa dalam perbahasan parlimen. Aspek ini dikaji atas faktor profil ahli perbahasan sebagai wakil rakyat yang menjalankan tugas demi kesejahteraan rakyat. Dengan menggunakan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1978 & 1987), Model Ketaksantunan Norati A.Rashid (2005) dan Model Ketaksantunan Culpeper (1996), dapatan kajian menemukan penggunaan strategi ketaksantunan yang memperlihatkan kegagalan ahli parlimen mematuhi aspek kesantunan berbahasa.

Kim Hua Tan et al. (2017) mengkaji trend penggunaan bahasa samar dalam persidangan Parlimen Malaysia dalam konteks penyampaian maklumat oleh pewacana. Pendekatan kajian ini ialah berasaskan korpus elektronik dengan menggunakan kaedah gugusan leksikal berdasarkan kekerapan, iaitu menerusi penggunaan dua jenis frasa: adjuntif dan disjuntif. Penelitian telah menemukan peningkatan penggunaan frasa adjuntif berbanding frasa disjuntif dari tahun 1970 hingga 2009. Kategori bahasa samar yang dikaji adalah bahasa samar kata hurai adjuntif dan disjuntif. Metodologi berasaskan korpus yang digunakan telah mengenal pasti kata kunci yang ketara luar biasa, iaitu "sebagainya" dalam kategori ini, sekali gus mengesahkan kepentingan bahasa samar sebagai salah satu gaya bahasa yang signifikan dalam Parlimen. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat penambahan kepada trend penggunaan frasa "dan sebagainya", fungsinya diperluas untuk membincangkan perihal isu-isu dan penyelesaian pada sekitar dekad 2000, berbanding hanya membincangkan isu semata-mata pada dekad 1970-an. Fungsi frasa kata hurai disjuntif "atau lebih" pula didapati sangat menarik kerana ia digunakan secara meluas sekitar dekad 2000 untuk memetik akta undang-undang, satu fenomena yang tidak wujud pada tahun 70-an.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kualitatif kerana prosesnya melibatkan analisis dokumen yang ditranskripsikan daripada peristiwa perbahasan sebagai bahan kajian. Kajian ini melibatkan proses pengenalanpastian dan penganalisan ujaran lakuan pertuturan yang terdapat dalam perbahasan Parlimen Malaysia. Lakuan pertuturan yang terkandung dalam bahan kajian dikenal pasti dan dianalisis menggunakan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969). Teori yang diaplikasikan ini akan dapat menemukan penggunaan lakuan pertuturan yang berbeza, di samping pecahan kepada setiap lakuan pertuturan mengikut jenisnya. Pengelasan lakuan pertuturan mengambil kira aspek konsep dan perbezaan penggunaan ujaran yang digunakan sehingga terhasilnya kepelbagaian ujaran dengan matlamat yang berbeza-beza.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Kajian ini memfokuskan dua objektif, iaitu mengenal pasti lakuan yang terdapat dalam perbahasan Parlimen Malaysia dan menganalisis lakuan pertuturan menggunakan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969). Dalam bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan beberapa data bagi mewakili setiap lakuan pertuturan dan jenisnya. Untuk mewakili perbincangan bagi keseluruhan lakuan pertuturan yang ditemui, maka hanya beberapa lakuan pertuturan sahaja yang akan dipilih. Hal ini dikatakan demikian kerana penghuraian bagi lakuan pertuturan yang lain adalah sama dari segi prinsip dan kaedahnya.

### **i. Lakuan Pertuturan Asertif**

Asertif merupakan lakuan yang diujarkan oleh penutur berdasarkan kepercayaan, pemahaman dan sebagainya yang mempunyai sudut penilaian yang benar (Aminnudin Saimon, 2021). Ujaran yang diungkapkan mempunyai hubung kait dan penutur mendapat pemahaman yang baik apabila ia diungkapkan. Penilaian terhadap ungkapan yang dijelaskan pula dapat diterima secara logik kerana ia memaparkan hal-hal yang boleh diterima logik dan fikiran penutur.

**Jadual 1** Kekerapan Lakuan Pertuturan Jenis Asertif dalam Perbahasan Parlimen Malaysia Kali ke-15

| Jenis Asertif | Kekerapan |
|---------------|-----------|
| Makluman      | 88        |
| Pernyataan    | 57        |
| Pelaporan     | 10        |

#### **Contoh asertif makluman:**

*“Brain drain merujuk kepada penghijrahan individu berkemahiran tinggi dan berpendidikan ke negara lain untuk mencari peluang dan juga keadaan hidup yang lebih baik.”*

Laila Sarah (2015) menyatakan lakuan makluman sebagai perbuatan tutur untuk mengikat pendengar kepada sesuatu perkara yang benar, iaitu melalui maklumat yang disalurkan kepada pendengar. Penutur memperkenalkan konsep “*brain drain*” sebagai satu istilah yang merujuk kepada fenomena penghijrahan golongan berpendidikan dan berpelajaran ke suatu tempat baharu untuk mencari peluang pekerjaan yang lebih baik. “*Brain drain*” yang berlaku di Malaysia ialah fenomena yang sedang berlaku, dan fakta ini diakui benar apabila ahli parlimen turut mengemukakan wujudnya usaha untuk memperkenalkan Dasar Gaji Progresif sebagai langkah menyelamatkan tenaga kerja yang bergelut dengan peningkatan kos sara hidup.

#### **Contoh asertif pernyataan:**

*“Jadi, Tuan Yang di-Pertua, isu yang ada di hadapan kita, RUU ini mungkin dikatakan tidak sempurna oleh banyak pihak. Look, I share your sentiments. Sejak mula saya telah mengeluarkan pendirian saya. Ia mungkin tidak ada apa-apa yang kita mahukan tapi this is the best RUU that we need right now. Ini haruslah diluluskan segera.”*

Penutur menampilkan perbahasannya sebagai jenis pernyataan melalui ujaran yang bertindak mempengaruhi khalayak untuk bersetuju dengan pernyataannya. Menerusi ujaran “...RUU ini mungkin dikatakan tidak sempurna oleh banyak pihak. *Look, I share your sentiments*. Sejak mula saya telah mengeluarkan pendirian saya. Ia mungkin tidak ada apa-apa yang kita mahukan tapi *this is the best RUU that we need right now*”. Julisah Izar et al., (2020) menjelaskan lakuan pernyataan sebagai ucapan atau ungkapan yang berfungsi menerangkan atau menggambarkan sesuatu kepada pendengar. Penutur memberikan gambaran bahawa sekiranya RUU tersebut dipersetujui dan diluluskan, maka ia mampu merealisasikan inisiatif kerajaan untuk menghapuskan penggunaan tembakau dan produk vape dalam kalangan generasi muda pada masa akan datang.

#### **Contoh asertif pelaporan:**

*“Sebagai permulaan, bermula Mac 2023 KPM telah memulakan Program Rintis Sekolah K11 di Sekolah Menengah Kebangsaan RPS Batau, Pahang bagi murid Orang asli dan SMK Long Belian, Sarawak bagi murid peribumi di pedalaman.”*

Asertif pelaporan ialah ujaran yang berbentuk fakta yang mendorong pendengar untuk membentuk dan memberikan perhatian kepada suatu kepercayaan (Jacqueline et al., 2006). Keterbiasaan pendengar untuk mempercayai suatu fakta kebiasaannya dibuktikan dengan hal yang diyakini sudah berlaku. Dalam konteks ujaran ini, penutur meyakinkan ahli parlimen yang hadir melalui ujaran jenis laporan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memulakan program rintis yang melibatkan sekolah-sekolah yang terletak di kawasan pedalaman. Penutur turut memberikan kebenaran fakta ini dengan menyebutkan nama-nama sekolah yang tersenarai dalam program pendidikan yang dilaksanakan oleh KPM. Pengaplikasian lakuan pertuturan dalam ujaran ini membolehkan maklumat yang disampaikan dapat diterima dengan baik oleh pendengar.

## ii. Lakuan Pertuturan Direktif

Amir Juhari dan Zaitul Azma dalam Bach dan Harnish (1979) mendefinisikan lakuan ini sebagai ujaran yang digunakan untuk menunjukkan bahawa penutur percaya bahawa hasil pertuturannya membawa kepada suatu tindakan yang mesti dilakukan oleh pendengar tanpa alasan. Sepertimana yang dijelaskan oleh George Yule dalam bukunya bertajuk *Pragmatics*, ‘in using a directive, the speaker attempts to make the world fit the words’, iaitu penutur berusaha menjadikan konteks dunia ini sesuai dengan kata-kata.

**Jadual 2** Kekerapan Lakuan Pertuturan Jenis Direktif dalam Perbahasan Parlimen Malaysia Kali ke-15

| Jenis Direktif | Kekerapan |
|----------------|-----------|
| Pertanyaan     | 68        |
| Permintaan     | 13        |
| Arahan         | 5         |
| Mencadangkan   | 16        |
| Menasihati     | 3         |

### Contoh direktif pertanyaan:

*“Persoalan saya, kalau berlakunya kemalangan di mana pengguna jalan atau pemandu kereta tidak sempat untuk berhenti dan merempuh anggota pihak polis, siapa yang bersalah? Siapa yang bersalah dalam perkara tersebut?”*

Menurut Dwima Jupriadi Putri et al. (2019), terdapat dua bentuk tindak tutur dalam bertanyakan soalan. Bentuk ini boleh terdiri daripada pertanyaan untuk mendapatkan jawapan ‘ya’ ataupun ‘tidak’, dan pertanyaan dalam bentuk meminta maklumat mengenai sesuatu perkara. penutur menghasilkan lakuan pertanyaan untuk meminta penjelasan ataupun maklumat mengenai siapakah individu yang bersalah dalam situasi kemalangan yang melibatkan pemandu kereta yang tidak sempat memberhentikan kenderaan sewaktu sekatan jalan raya dilakukan dan terpaksa merempuh anggota pihak polis. Penutur mengkehendaki ahli parlimen untuk memberikan penjelasan lanjut berkenaan isu tersebut. Dalam tindak tutur ini, penutur turut mengambil kira aspek profesion yang disandang oleh pendengar bagi membolehkan jawapan yang diberikan menepati kehendak penutur.

### Contoh direktif permintaan:

*“Akhirnya kita berharap lembaga ini akan berperanan untuk memacu industri di setiap rantai nilai termasuklah R&D, pengeluaran, penggredan, pemasaran di peringkat domestik mahupun global serta pembangunan industri hiliran.”*

Sebagai penutur, seseorang itu perlu mengambil kira hal-hal yang berkaitan dengan tindak balas yang akan dihasilkan oleh pendengar kepada permintaan yang dinyatakan. Pembicara perlu sedar bukan sahaja

terhadap usaha permintaan itu sendiri, tetapi juga cara yang sesuai secara budaya untuk menyampaikan permintaan tersebut (Marlyna Maros & Nurul Syafawani Halim, 2018). Ujaran “akhirnya kita berharap...” diungkap sebagai usaha agar pendengar dapat bertindak seperti permintaan yang dinyatakan. Dalam situasi berbahasa ini, ahli parlimen menyatakan pengharapan yang tinggi kepada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) agar lembaga tersebut berupaya memacu industri penanaman nanas dengan sebaik mungkin.

**Contoh direktif arahan:**

*“Dalam keadaan itu, kerajaan perlu menangani isu inflasi. Dalam masa yang sama juga, kita juga kena melabur masa untuk kita memastikan pendapatan rakyat atau pekerja naik.”*

Konsep lakuan pertuturan kadangkala membolehkan penutur memberikan arahan tanpa mengambil kira status sosial pendengar. Menurut Arini Hidayah (2019), dalam memberikan arahan, ujaran tidak semestinya merupakan perintah rasmi yang diberikan oleh seseorang dari kedudukan yang lebih tinggi. Dalam perbahasan Parlimen Malaysia, setiap ahli parlimen diberikan ruang dan peluang untuk berbahas, berbincang dan bertukar pendapat dalam mencapai kata sepakat tanpa mengira status sosial masing-masing. Perbualan di atas diujarkan oleh ahli parlimen yang tidak mempunyai jawatan tinggi seperti Dato’ ataupun Datin. Beliau sebagai penutur yang mewakili kawasan parlimen di daerah sendiri mempunyai hak bersuara untuk menggesa kerajaan menangani isu inflasi dan memastikan pendapatan rakyat serta tenaga kerja dapat dinaikkan demi kesejahteraan ekonomi negara.

**Contoh direktif mencadangkan:**

*“Kalau tidak ada, cadangan saya adalah kerajaan mestilah mempunyai kaedah bagaimana masalah daerah-daerah termiskin ini dapat diatasi dengan mengutamakan penyediaan kemudahan asas ataupun infrastruktur.”*

Tonqing Gu dalam Brown dan Levinson (1987) menyatakan bahawa lakuan pertuturan mencadangkan ialah tindakan yang mengancam air muka kerana penutur melalui beberapa cara bertindak mengganggu dunia pendengar dengan melakukan tindakan yang berkaitan dengan apa yang harus dilakukan oleh pendengar. Dalam sesetengah keadaan, sikap mencampuri urusan orang lain dianggap perlu sekiranya ia bertujuan mendatangkan kebaikan kepada pihak tersebut. Penutur memberi cadangan kepada pihak kerajaan selaku badan pentadbiran negara agar mewujudkan satu kaedah khusus bagi menangani isu kemiskinan di daerah-daerah pedalaman bagi membolehkan pembangunan setempat di kawasan tersebut dapat dilaksanakan.

**Contoh direktif menasihati:**

*“Akhir sekali, seperti yang saya katakan, saya harapkan kerajaan boleh tumpukan fokus kita kepada produktiviti. Naikkan produktiviti kita yang sekarang kalau kita banding dengan negara-negara lain adalah amat ke belakang.”*

**iii. Lakuan Pertuturan Komisif**

Komisif merupakan ujaran yang mempertanggungjawabkan penutur dalam darjah yang berbeza untuk melakukan sesuatu tindakan pada masa akan datang (Maslida Yusof & Karim Harun, 2015). Lakuan ini melibatkan penutur untuk bertanggungjawab atas pelaksanaan tindakan yang akan disebut kelak.

**Jadual 3** Kekerapan Lakuan Pertuturan Jenis Komisif dalam Perbahasan Parlimen Malaysia Kali ke-15

| Jenis Komisif | Kekerapan |
|---------------|-----------|
| Perjanjian    | 21        |
| Penolakan     | 2         |
| Penawaran     | 1         |

**Contoh komisif perjanjian:**

*“Insyaa allah YDP, Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif itu akan dibentangkan petang ini, yang akan menjadi salah satu strategi utama kerajaan untuk tempoh berbaki RMKe-12 dan untuk tempoh 10 tahun akan datang.”*

Menurut Paina Partana (2010), tindak tutur berjanji ditandai dengan tuturan insya-Allah. Dalam membuat janji, ahli parlimen yang beragama Islam cenderung menggunakan kalimah “insyaa-Allah” yang bermaksud “jika diizinkan Allah”. Ia demikian sebagai jaminan sesuatu perkara itu akan dilaksanakan kerana setiap janji yang dibuat menggunakan nama Allah akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Penutur membuat janji untuk membentangkan Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif melalui penggunaan kalimah “insyaa- Allah” dan memberi jaminan bahawa ia akan dijadikan sebagai salah satu strategi utama yang akan diterapkan dalam RMKe-12.

**Contoh komisif penolakan:**

*“Dalam hal ini, saya kurang bersetuju untuk mengamalkan cara first come first served basis.”*

Dalam sesetengah situasi, ujaran penolakan diucapkan apabila penutur ingin menyatakan keinginan agar pendengar memberikan maklum balas yang positif. Menurut Luca Incurvati dan Giorgio Sbardolini (2023), penutur mahukan pernyataannya diterima dan diakui oleh pendengar sekiranya pernyataan itu diakui benar. Penutur menyatakan keengganannya terhadap konsep “*first come first served basis*” menerusi pemberian imbuhan kepada syarikat-syarikat terpilih dalam Kertas Putih Cadangan Gaji Progresif yang dibahaskan. Penutur menyatakan penolakannya sebagai salah satu usaha untuk menarik tumpuan ahli parlimen agar turut bersetuju dengan tindakannya, iaitu dengan keyakinan bahawa pernyataan yang dikemukakan itu boleh diakui benar dan munasabah.

**Contoh komisif penawaran:**

*“Saya juga ingin menyeru kepada semua ahli parlimen untuk memberikan sokongan kepada RUU ini demi masa depan anak-anak kita.”*

Penawaran ialah percubaan pertuturan apabila pemberi tawaran mengikat dirinya untuk melakukan sesuatu tindakan pada masa depan demi kebaikan penerima tawaran (Sami Abdel-Karim Abdullah Haddad, 2021). Penawaran diucapkan oleh penutur sebagai satu usaha meyakini pendengar secara terus dan dengan tujuan memberikan manfaat kepada dirinya dan pendengar. Penutur melakukan lakuan penawaran kepada pendengar dengan memberikan jaminan pulangan pada masa hadapan. Penutur melakukan penawaran dengan memberikan jaminan bahawa sekiranya RUU yang dinyatakan tersebut diluluskan, negara berupaya untuk melahirkan generasi bebas merokok demi kesejahteraan dan masa hadapan anak-anak muda di Malaysia.

#### iv. Lakuan Pertuturan Ekspresif

Lakuan ekspresif merupakan satu bentuk ujaran reaksi atau respons psikologi terhadap sesuatu keadaan atau tindakan orang lain sekali gus menggambarkan sikap dan perasaan penutur kepada pendengar (Nasihah Hashim et al., 2021). Lakuan ini berupaya mengekspresikan keadaan yang dialami oleh individu melalui jenis ujaran yang dituturkan.

**Jadual 4** Kekerapan Lakuan Pertuturan Jenis Ekspresif dalam Perbahasan Parlimen Malaysia Kali ke-15

| Jenis Ekspresif | Kekerapan |
|-----------------|-----------|
| Penghargaan     | 112       |
| Tahniah         | 11        |
| Permohonan Maaf | 7         |
| Selamat Datang  | 3         |

#### Contoh ekspresif penghargaan:

*“Terima kasih Dato’ YDP kerana memberi Tebrau ruang dan peluang untuk membahaskan dalam Kertas Putih Cadangan Gaji Progresif petang ini.”*

Ucapan penghargaan boleh berfungsi dengan pelbagai cara seperti memberikan sokongan positif, pembukaan perbualan dan penutupan perbualan (Roumayssaa Benaicha dan Nayel Al-Shara’h, 2024). Ucapan penghargaan diucapkan dengan tujuan pembukaan perbualan oleh penutur. Dalam konteks situasi perbahasan ini, penutur memulakan perbualan perbahasan dengan ucapan terima kasih sebagai tanda hormat dan penghargaan kepada ahli parlimen yang lain dan pengerusi dewan. Ia memungkinan kepada pengekaln tindak tutur yang positif sekiranya penutur bertindak melakukan ujaran yang mengancam air muka orang yang ditujukan ujaran tersebut.

#### Contoh ekspresif tahniah:

*“Tahniah saya ucapkan kepada pihak kementerian yang telah melancarkan Dasar Pendidikan Digital (DPD) pada Selasa lalu untuk mentransformasikan pendidikan negara.”*

Tindakan mengucapkan tahniah merupakan suatu isyarat sosial asas yang menyatakan kegembiraan, persetujuan dan kekaguman terhadap pencapaian atau kejayaan seseorang (Shena Fiosa Nofendralova & Ni Wayan Sartini, 2024). Ujaran tersebut diujarkan sebagai tanda meraikan kejayaan yang dicapai oleh sesuatu badan kerajaan. Penutur mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang telah berjaya mencipta pencapaian baharu melalui peluncuran Dasar Pendidikan Digital (DPD) sebagai salah satu usaha dalam mentransformasikan pendidikan negara pada masa akan datang.

#### Contoh ekspresif permohonan maaf:

*“Kalau nak ikut cara dahulu, biar Barisan lah memerintah. Tetapi sekarang kita nak bawa perubahan. Apakah ini perubahan dengan mengungkit apa yang kerajaan dahulu buat, sekarang kena buat balik? Jadi demikian, minta maaf Tan Sri”.*

Permohonan maaf memberikan peluang untuk menyelamatkan maruah dalam keadaan yang mengancam atau sukar (Linnell et al., 1992). Penutur bertindak melakukan lakuan permohonan maaf selepas menyedari bahawa perbahasannya menyimpang daripada tindak tutur santun yang sepatutnya. Situasi tersebut ialah berkaitan peluang dan ruang yang sepatutnya diberikan kepada barisan kerajaan baharu untuk menunjukkan kredibiliti dan kemahiran dalam mentadbir negara. Penutur meluahkan ketidakpuasan kepada ahli parlimen

yang lain sebagai tanda protes kecil. Namun begitu, tindak tutur tidak santun ini diredakan melalui ujaran memohon maaf sebagai tanda menghormati.

#### **Contoh ekspresif selamat datang:**

*“Tuan Sri, kalau saya mencelah untuk mengalu-alukan bakal pemimpin kita pelajar-pelajar dan guru-guru mereka daripada Sekolah Menengah Sains Kuala Selangor. One of the top performing schools.”*

Ujaran selamat datang memainkan peranan dalam membolehkan seseorang itu diterima dalam peristiwa berbahasa yang sedang berlangsung. Mahmoud Ali Rababa’h dan Nibal Abd Alkareem Malkawi dalam Alkindale (2007) menyatakan ungkapan selamat datang sebagai strategi yang sangat penting dalam perundingan identiti sosial dan hubungan sosial antara peserta dalam perbualan. Penutur selaku wakil rakyat bagi kawasan parlimen Kuala Selangor mencelah perbahasan dengan mengalu-alukan dan meraikan kedatangan pelajar dan guru daripada Sekolah Menengah Sains Kuala Selangor. Lakuan selamat datang yang diaplikasikan menandakan niat penutur untuk berinteraksi dan menjalinkan hubungan sosial dengan pendengar yang disasarkannya.

## **KESIMPULAN**

Hasil analisis dan dapatan kajian menemukan bahawa terdapat empat lakuan pertuturan dalam Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969) yang digunakan dan dimanfaatkan dalam perbahasan Parlimen Malaysia kali ke-15. Lakuan tersebut ialah lakuan pertuturan asertif, direktif, komisif dan ekspresif. Dapatan kajian turut menemukan bahawa hanya satu lakuan pertuturan yang tidak digunakan sama sekali oleh ahli parlimen, iaitu lakuan pertuturan deklaratif. Keputusan kajian ini juga merangkumkan bahawa sebanyak 377 dialog yang mengaplikasikan keempat-empat lakuan pertuturan tersebut. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa ahli parlimen mempunyai pengetahuan dan kesedaran dalam mengaplikasikan lakuan pertuturan sebagai salah satu cara dan usaha bagi menghasilkan ujaran yang berkesan dalam perbahasan. Sejajar dengan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969), penumpuan suatu ujaran itu dilihat melalui kepelbagaian idea dan tindak tutur seseorang dalam menggunakan bahasa kerana setiap bahasa yang diucapkan oleh manusia mempunyai nilainya yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana ujaran yang dihasilkan itu didorong oleh suatu keinginan. Oleh hal yang demikian, konteks perbahasan dalam persidangan Parlimen Malaysia ini menampilkan kepelbagaian ujaran yang mengambil kira aspek kesesuaian bahasa yang digunakan dalam konteks untuk mencapai matlamat ujaran tersebut.

## **Rujukan**

- Abudalslam Alfghe & Behbood Mohammadzadeh. (2021). Realisation of the Speech Act of Request, Suggestion and Apology by Libyan EFL Learners. *SAGE Open*, October-December 2021: 1-13.
- Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri (2023). *Etika Perbahasan di Parlimen: Perlu Perubahan Menyeluruh untuk Mengembalikan Martabat Negara*. Etika perbahasan di Parlimen: Perlu perubahan menyeluruh untuk mengembalikan martabat negara | Astro Awani, diakses pada 6 Jun 2024.
- Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2019). Penggunaan Kiasan dalam Plot Konflik Filem: Satu Analisis Pragmatik. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 37-74.
- Aminnudin Saimon. (2021). Lakuan Pertuturan dalam Filem Nordin Ahmad. *Jurnal Linguistik*, 25(1), 80-99.
- Aminnudin Saimon et al. (2021). Lakuan Bahasa Arahan dalam Teks Ucapan Perdana Menteri Berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 63-78.
- Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). Penggunaan Lakuan Pertuturan dalam Mesyuarat. *Jurnal Linguistik*, 19(1), 48-57.

- Ardianto & Hadirman. (2018). Directive Speech Act of Imamu in Katoba Discourse of Muna Ethnic. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 156 (Conference 1).
- Arini Hidayah. (2019). An Analysis on Directives Speech Acts in Film Script of Iron Man 2 (2010). *Surakarta English and Literature Journal*, 2(1), 1-8.
- Azrul Radi. (2022). *Perangai Masih Tidak Berubah, 5 MP Paling Kecoh Bising di Parlimen*. [Perangai masih tak berubah... 5 MP paling kecoh, 'bising' di Parlimen - Berita | Majoriti](#), diakses pada 27 April 2024.
- Dayang Sariah Abang Suhai, Kesumawati Abu Bakar, & Norsimah Mat Awal. (2020). Modaliti dalam Wacana Perbahasan Parlimen. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 20(4), 186-208.
- Dwima Jupriadi Putri et al. (2019). Speech Act Politeness in Making and Answering Questions in Discussion of Students at Madrasah Tsanawiyah Negeri. *Proceedings of The Seventh International Conference on Language and Arts*. Advances in Social Science, Education and Humanities Research, vol. 301, 354-360.
- Iqbal Yasir. (2023). *Etika Islam dalam Perbahasan di Parlimen, Ini Penjelasan Mufti*. [Etika Islam Dalam Perbahasan Di Parlimen, Ini Penjelasan Mufti - Siakap Keli](#), diakses pada 9 Mei 2024.
- Julisah Izar et al. (2020). Assertive Speech Acts in Mata Najwa Program of Episode Gare-Gare Corona. *Journal of Linguistics and Applied Linguistics*, 2(1), 53-58.
- Kim Hua Tan et al. (2017). Trend Penggunaan Bahasa Samar dalam Persidangan Parlimen Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 17(4), 84-100.
- Khairul Izzat Amiruddin & Hasmidar Hassan. (2019). Analisis Pragmatik Kesantunan dan Ketaksantunan Bahasa dalam Perbahasan Parlimen 2018. Dalam *Linguistik Bahasa dan Pendidikan*. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Pulau Pinang, Malaysia, pp. 44-51.
- Laila Sarah. (2015). The Use of Informing Speech Acts as Advertising Strategy in *Malang Kuliner* Facebook Group. *Jurnal Linguistik Terapan*, 5(2), 39-46.
- Luca Incurvati & Giorgio Sbardolini. (2023). *The Rejection Game*. [The rejection game \(wiley.com\)](#), diakses pada 23 Jun 2024.
- Marlyna Maros & Nurul Syafawani Halim. (2018). Alerters in Malay and English Speech Act of Request: A Contrastive Pragmatics Analysis. *The Southern Asian Journal of English Language Studies*, 24(1), 69-83.
- Maslida Yusof & Karim Harun. (2015). Analisis Lakuan Tutar dalam Ruangan Status Facebook. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 151-168.
- Muhammad Zuhair Zainal et al. (2024). Penerapan Teras Hati Budi Melayu dalam Pengajaran Bahasa Melayu melalui Lakuan Pertuturan Guru. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 15(1), 1-15.
- Nasihah Hashim et al. (2021). *Lakuan Bahasa Ekspresif Sebagai Strategi Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)*. Universiti Utara Malaysia.
- Norsimah Mat Awal et al. (2021). Representasi Halal dan Haram dalam Wacana Parlimen Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, Vol 21(4).
- Nurul Afifah Mohd Salleh & Maslida Yusof. (2020). Praandaian dalam Ucapan Perbahasan Parlimen Mahasiswa Sesi Pertama di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 19(2), 270-286
- Nurul Syuhada Shuib & Maslida Yusof. (2019). Lakuan Bahasa dalam Ceramah Agama. *AKADEMIKA*, 89, (1(SI)), 41-53.
- Paina Partana. (2010). Pola Tindak Tutar Komisif Berjanji Bahasa Jawa. *Jurnal Ilmiah Kebahasaan dan Kesasteraan*, 38(1), 81-89.
- Roumayssaa Benaicha & Nayel Al-Shara'h. (2024). *A Contrastive Study of Gratitude Speech Act: A Case Study of Algerian and Jordanian Arabic*. University of Jordan.
- Salawati Md Basir. (2020). Rakyat Bosan dengan Gelagat Ahli Parlimen. [Rakyat bosan dengan gelagat Ahli Parlimen | Harian Metro \(hmetro.com.my\)](#), diakses pada 20 Mei 2024.
- Sami Abdel-Karim Abdullah Haddad. (2022). The Speech Act of Offer in Jordanian Arabic: A Socio-Pragmatic Analysis. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. University of Szeged.
- Siti Aisyah Yap. (2015). Dakwah Melalui Filem Animasi: Kajian Terhadap Isi Kandungan Al-Fatihah dalam Siri Ummi, Ceritalah Pada Kami. *Media Penyiaran dan Dakwah*. hlm. 107-255.
- Siti Nur Adibah Sabarudin & Aminnudin Saimon. (2021). Video Infografik Covid-19: Tinjauan dari Sudut Lakuan Bahasa. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(2), 208-224.
- Shena Fiona Nofendralova & Ni Wayan Sartini. (2024). Comparing Congratulatory Speech in Javanese and Sundanese: Influence of Culture on Strategies. *Journal of Linguistics, Literature and Culture*, 6(1), 70-92.
- Tongqing Gu. (2014). A Corpus-based Study on The Performance of The Suggestion Speech Act by Chinese EFL Learners. *International Journal of English Linguistics*, 4(1), 103-109.